

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 AUGUST 2016

Siasat Tun M isu tiga Tan Sri dikhianati

BH- 27/8/2016

Alor Setar: Kelab Belia Darul Aman meminta polis menyiasat dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad membabitkan tiga pegawai tinggi kerajaan yang didakwa bersubahat untuk menggulingkan Datuk Seri Najib Razak, 'dikhianati' seorang daripada mereka.

Pengerusinya, Syed Mohd Johan Rizal Syed Unan Mashri, berkata kenyataan bekas Perdana Menteri itu mengundang episod baharu berhubung laporan polis yang dibuat oleh Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berhubung perkara yang sama.

Beliau yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kota Setar, berkata Dr Mahathir perlu dipanggil memberi keterangan dan disoal siasat kerana mengetahui secara mendalam isu pengkhianatan dan konspirasi menjatuhkan kepemimpinan negara.

"Tindakan wajar perlu dilaku-

kan segera kerana kes ini berprofil tinggi membabitkan peranan orang kenamaan.

Isu jejas keselamatan negara

"Isu ini boleh menjejaskan keselamatan negara, kestabilan politik dan isu integriti sumpah menyimpan rahsia dan setia kepada kerajaan yang sepatutnya dijunjung oleh tiga orang penjawat awam utama negara," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Baru-baru ini, Dr Mahathir mendakwa tiga pegawai tinggi kerajaan yang dituduh bersubahat untuk menggulingkan Najib, 'dikhianati' seorang daripada mereka.

Sebelum ini, Khairul Azwan mendakwa bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Syed Mohd Johan Rizal
Syed Unan Mashri

(SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed, bersubahat dengan Dr Mahathir untuk menjatuhkan Najib.

Khairul Azwan mendakwa ia berdasarkan kepada komen bersama antara Dr Mahathir dengan Zeti, Abdul Gani dan Abu Kassim mengenai laporan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) dengan media antarabangsa di Jakarta, Indonesia.

Syed Mohd Johan berkata, apabila siasatan terperinci dilakukan, individu keempat yang juga bergelar Tan Sri yang didakwa mengkhianati pakatan konspirasi yang diketuai Dr Mahathir dapat diperjelaskan kepada masyarakat supaya segala spekulasi dapat dirungkai.

"Saya berharap, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dapat memperhalusi isu ini yang sebenarnya perlu disiasat untuk mencari kebenaran," katanya.

Info

Isu tiga pegawai tinggi kerajaan didakwa dikhianati

→ **Tindakan wajar** perlu dilakukan segera kerana kes berprofil tinggi.

→ **Isu boleh** menjejaskan keselamatan negara, kestabilan politik.